

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 18 BILANGAN 37 RABU 12HB. SEPTEMBER, 1973. 1393 رابو 14 شعبان PERCHUMA



Y.B. Pehin O.K. Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Awg. Haji Md. Jamil Al-Sufri berucap sa-belum merasmikan "Malam Bahasa".

"Museum Journal"

BANDAR SERI BEGAWAN. — Muzium Brunei telah menetak 3,000 naskhah majalah laporan-nya (Museum Journal) siri ke-enam dalam bahasa Inggeris.

Majalah2 tersebut sedang di-jual di-Muzium Peringatan Churchill, Muzium di-Kota Batu dan di-toko2 buku di-seluruh negeri dengan harga \$10.00 sa-naskhah.

Majalah tersebut mempunyai 158 muka dan mengandungi 15 rencana mengenai empat perkara ia-itu ilmu pengetahuan suku bangsa, sejarah, ilmu bangsa dan ulang kaji.

K'jaan mempunyai simpanan beras yang chukop

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan Brunei ada-lah mempunyai simpanan beras yang menchukopi untuk di-bekalkan kepada orang ramai.

Sa-orang juruchakap kerajaan menyatakan, bahawa ada-lah tidak benar yang bekalan beras di-negeri ini telah habis.

Beliau menegaskan, simpanan beras yang ada pada mana ini boleh menampung keperluan orang ramai sa-hingga tempahan beras yang baru dari Negeri Siam sampai ka-Brunei dalam bulan ini.

Tempahan bekalan beras yang baru itu yang mengandungi kira2 1,700 tan sedang dalam pengurusan pelayaran menuju ka-Brunei.

Juruchakap itu menyeru orang ramai supaya tidak bimbang terhadap kedudukan bekalan beras di-negeri ini.

(Lihat muka 8)

PENDUDOK2 ASING DI-GESA MEMPELAJARI BAHASA MELAYU

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Mohamed Jamil Al-Sufri telah menyeru semua raayat dan pendudok bukan Melayu di-negeri ini supaya mempelajari dengan lebeh dalam lagi Bahasa Melayu kerana ia-nya merupakan salah satu punga utama untuk menyatu-padukan semua kaum yang mempunyai satu bahasa, satu bangsa dan satu negara.

Raayat dan pendudok bukan Melayu telah di-gesa supaya insaf dan menyedari akan tanggung jawab mereka betapa penting-nya mempelajari bahasa Melayu kerana bahasa itu telah termaktub dalam perlembagaan sebagai bahasa rasmi negara yang mesti di-amalkan oleh semua orang.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Mohamed Jamil Al-Sufri membuat seruan demikian dalam ucapan-nya sa-belum merasmikan pembukaan 'Malam Bahasa' bagi sekolah2 China dan Misi kali ketiga di-Dewan Raya Bandar Seri Begawan malam Sabtu lalu.

Yang Berhormat itu menerangkan, dengan ada-nya mempelajari bahasa Melayu lebeh luas dan mendalam mereka bukan saja dapat berbinchang, membacha surat2 khabar dan buku2 dalam bahasa Melayu bahkan dapat bertutor dengan faseh dan lancar di-samping dapat mengetahui kandungan yang mereka tutorkan dan maksud2 yang di-bacha.

Sudah 14 tahun, kata-nya lagi, Bahasa Melayu di-jadikan bahasa rasmi negara, maka saharus-nya lah raayat dan pendudok2 bukan Melayu di-negeri ini sudah memehami dan mempelajari sa-chara mendalam Bahasa Melayu kerana masa yang begitu panjang.

(Lihat muka 8)



Ak. Mohd. Yassin (kiri) dan Awang Ahmad.

17 penuntut lulus dari maktab2 dan Universiti2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ak. Mohd. Yassin bin Pengiran Dipa Negara Pengiran Abdul Momin telah lulus dengan mendapat ijazah Sarjana Muda Sains kepujian dalam jurusan ilmu jiwa dari University College of Swansea. Anak sulung kapada Pemangku Menteri Besar, Awangku Yassin ada-lah merupakan penuntut Brunei pertama yang lulus dalam jurusan itu. Beliau sekarang bertugas di-Pejabat Surohanjaya Perkhidmatan Awam.

Awangku Mohd. Yassin mendapat dikedan di-Sekolah Melayu SMJA; Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait, Maktab Anthony Abell, Seria dan Maktab SOAS.

Beliau melanjutkan pelajaran-nya ka-Maktab Teknikal North Devon, Barnstaple lapan tahun yang lalu atas biasiswa kerajaan Brunei. Beliau meneruskan pelajaran-nya ka-Maktab Teknikal Exeter dan seterusnya ka-University College of Swansea di-mana beliau lulus dengan mendapat ijazah dalam bulan Jun tahun ini.

Sa-orang lagi penuntut Brunei, Awang Ahmad bin Dato Matnor MacAfee telah lulus dengan mendapat ijazah Sarjana Muda sastera kepujian dalam Jurusan Ekonomi dari University of Lancaster. Beliau sekarang di-tempat di-Pejabat

(Lihat Muka 8)

Harga beras Siam naik

BANDAR SERI BEGAWAN. — Harga beras Siam jenis tiga 'A' telah naik mulai 6hb. September yang lalu.

Pengawal Setor2 dan Perbekalan Negara, Awang Anthony Newn menyatakan harga beras Siam jenis tiga 'A' di-Bandar Seri Begawan ialah \$3.00 sa-gantang; di-Tutong dan Muara harga sa-gantang ia-lah \$3.05 sementara harga sa-gantang di-Kuala Belait, Seria dan Temburong ia-lah sa-banyak \$3.10.



Peraduan bahath sekolah2 sa-negeri dalam bulan Disember

BANDAR SERI BEGAWAN. — Peraduan bahath sekolah2 rendah dan menengah Melayu seluruh negeri bagi tahun 1973, akan di-adakan dalam bulan Disember.

Bahagian sekolah2 rendah lelaki dan perempuan, johan Daerah Temburong akan menemui johan Brunei Tiga di-Dewan Sekolah Melayu Sultan Hassan Bangar; Johan Brunei Dua akan menemui johan Brunei Satu di-Dewan Sekolah Melayu Gadong dan johan Tutong Satu akan menemui

johan Tutong Dua di-Dewan Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim Tutong.

Bahagian sekolah2 menengah lelaki dan perempuan dari tingkatan satu hingga tingkatan tiga, Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim Tutong akan menemui Sekolah Menengah Melayu Mohamed Alam Seria di-Dewan Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim.

Sekolah Menengah Melayu SMJA akan menemui Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan di-Dewan Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan dan Sekolah Menengah Melayu Sultan Hasaan, Bangar akan menemui Sekolah Menengah Melayu Bendahara Sakam Bunot di-Dewan Sekolah Menengah Melayu Sultan Hassan, Bangar. Semua peraduan bahath itu bermula dari 6hb. Disember dan berakhir pada 19hb. Disember.

KELAB Pegawai2 Kerajaan

Bandar Seri Begawan telah berjaya menyimpan sekali lagi perisai yang di-hadiahkan oleh Y.B. Pehin Orang Kaya Udana Laila Dato Paduka Awang Hussain sa-telah pasukan itu mengalahkan pasukan Persatuan KEKAL dalam perlawanan akhir Badminton yang berlangsung di-Pusat Belia pada minggu lalu.

Kelab Pegawai2 Kerajaan yang juga menjadi johan dalam tahun lalu, mengalahkan pasukan KEKAL dengan lima perlawanan tidak berbalas.

Persatuan KEKAL yang menjadi naib-johan menerima piala yang di-hadiahkan oleh Penasehat persatuan itu, Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain. Tahun lalu piala tersebut di-menangi oleh Persatuan Belia Temburong.

Sementara pemenang ketiga ialah pasukan kenten Pulis Diraja dan menerima piala hadiah dari Yang Di-Persatuan KEKAL, Awg. Zakaria bin Datu Mahawangsa Haji Sulaiman.

Perlawanan yang di-anjarkan oleh Persatuan KEKAL itu adalah sa-bahagian dari acara sambutan hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan yang ke-27 tahun bagi Daerah Brunei-Muara.

Gambar atas menunjukkan Pengawal Pos, Awang Haji Mohd. Jaafar sedang menyampaikan perisai kejohanan kepada Awang Zainal Hussain, salah sa-orang pemain dari Kelab Pegawai2 Kerajaan.

Gerakan menyembor ubat DDT

KUALA BELAIT. — Rombongan penyembor Projek Penghapusan Malaria akan menjalankan kerja2 menyembor di-11 buah kampung di-Daerah Belait dalam bulan ini.

Rombongan itu akan berada di-kampung2 Laid Lakang dan Kagu pada 15hb. September, Singap dan Pok Babau pada 17hb. September, Bukit Kandar pada 18hb. September, Bukit Sungat pada 19hb. September dan Sungai Ular pada 20hb. September.

Lain2 kampung yang akan dilawati oleh rombongan itu ialah Merangking Hilir pada 22hb. September, Merangking Ulu pada 24hb. September, Pengkalan Siong pada 25hb. September dan Bang Pukul pada 26hb. September.

Sa-banyak 376 litre ubat DDT akan di-gunakan untuk menyembor 99 buah rumah, pondok dan lain binaan yang mempunyai bilangan penduduk sa-ramai 758 orang.

"Pendidekan Untuk Perdamaian" tema Persidangan Guru2 Sa-Dunia

PERSEKUTUAN Guru2 Melayu Brunei telah menghantar sa-orang ahli perwakilannya untuk menghadiri persidangan Pertubuhan Guru2 Sa-Dunia dari 1hb. hingga 8hb. Ogos bertempat di-Pusat Persidangan Kenyatta, Nairobi.

Wakil PGGMB yang menghadiri persidangan itu ialah Awg. Abu Bakar bin Md. Salleh yang juga sa-laku Pengarah Penerangan, Persuratan dan Perpustakaan PGGMB.

Thema persidangan bagi tahun 1973 ialah 'Pendidekan Untuk Perdamaian' yang telah di-sediakan oleh Setiausaha Agong Pertubuhan Guru2 Sa-Dunia, Awang John M. Thomson.

Thema yang menjadi perhatian ini telah juga di-tulis oleh 24 buah negara ahli serta orang2 perseorangan yang pakar dalam hal pendidekan.

Pembukaan rasmi persidangan telah di-lakukan oleh Presiden Mzee Jomo Kenyatta serta di-hadiri oleh Menteri Pelajaran Kenya, Yang Di-Pertuan Pertubuhan Guru2 Kenya, David Mulindi dan Setiausaha Agong WCOTP.

Sa-jurus sa-belum merasmikan persidangan itu Persidan Mzee Jomo Kenyatta dalam ucapan telah mengucapkan selamat datang kepada kaum guru yang menghadiri persidangan itu.

Kata-nya, Kerajaan dan rakyat Kenya mengalu2kan guru2 yang menjadi ahli WCOTP dan beliau juga menyentuh tentang tema persidangan ia-itu Pendidekan Untuk Perdamaian supaya dapat di-mulakan.

Sa-lain daripada membincangkan tema itu, beberapa tema lain juga telah di-bincangkan antaranya termasuklah penyertaan guru dalam dasar pelajaran, pendidekan sa-belum sekolah, rancangan untuk pelajaran rendah

dan menengah dan hak2 perundangan serta masalah sektor awam.

Garis2 kasar resolusi yang telah di-ambil dari tema itu ialah mengharapka sa-tiap kaum guru mengambil perhatian kepada keadaan dunia dewasa ini, mengamalkan sa-fahaman di-antara bangsa. Instiusi pendidekan pula hendaklah mengamalkan satu fahaman yang memberikan galakkan kepada penuntut2 tentang peranan mereka kepada masyarakat, perhubungan guru-penuntut2 tentang peranan mereka kepada masyarakat, perhubungan guru-penuntut2 dalam bidang pendidekan.

Pertubuhan guru2 hendaklah memberikan kerjasama dalam menjayakan tujuan tersebut dengan pehak2 Kerajaan, agency2 antara bangsa dan masyarakat. Ibu bapa juga mengiatkan usaha2 dalam pengertian sa-fahaman dalam kalangan masyarakat.

Sa-lain dari menumpukan fikiran terhadap persidangan, ahli2 perwakilan itu juga di-beri kesempatan untuk melawat 'Animal Orphanage Park' ia-itu satu kawasan sa-luas 44 batu persegi pemeliharaan binatang2 hidup lebih kurang lima batu jauh-nya dari Nairobi.

Kenya merupakan sa-buah tempat yang termashor dan terbesar sa-kali di-dunia mempunyai Taman Buruan Binatang dan Nairobi Game Park merupakan dari taman2 binatang yang terkecil sahaja di-Kenya. Nairobi terletak lebih dari lima ribu kaki dari paras laut.

Rombongan itu juga di-beri kesempatan untuk menyaksikan tarian2 kebudayaan Kenya yang di-beri nama 'Bomas of Kenya' ia-itu salah satu tarian yang biasa kita lihat dalam cherita2 Tarzan yang di-tarikan oleh orang2 Afrika.



Pulang sa-telah hadhiri kursus chegah kebakaran

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Awang Johari bin Ahad, Penolong Pegawai Steshen Balai, Bomba, pulang ka-tanah ayer sa-telah menghadiri kursus menchegegah kebakaran sa-lama 8½ bulan di-Britain.

Dalam masa dua minggu pertama, Awang Johari ditempatkan di-Balai Bomba Cheshire untuk menghadiri kursus permulaan yang di-mulakan pada 29hb. Disember tahun lepas.

Beliau kemudian-nya menghadiri kursus menchegegah kebakaran sa-lama sebelas minggu di-Fire Services Technical College, Moreton-In-Marsh.

Sa-lepas kursus tersebut, beliau di-tempatkan di-sebuah lagi balai bomba untuk mendapatkan pengalaman dalam chara2 menchegegah kebakaran sa-lama kira2 lima minggu.

Sa-belum pulang, Awang Johari sekali lagi menjalani satu kursus lanjutan menchegegah kebakaran di-Fire Services Technical College, Moreton-In-Marsh.

Dalam gambar ini kelihatan Yang Di-Pertua KNUT, Awang David Mulindi sedang memberi ucapan di-Pusat Persidangan Kenyatta, di-sebelah kanan-nya Menteri Pelajaran Kenya, sa-lepas itu Juru Iring President dan President Mzee Jomo Kenyatta. Anak panah dalam gambar ini menunjukkan perwakilan Brunei, Awang Abu Bakar bin Salleh.

Bahasa2 yang di-gunakan dalam persidangan ia-lah Ingeris, Perancis, German, Jepun dan Sepanyol.

KELEBEHAN2 YANG TERDAPAT DALAM BULAN SHAABAN



KHUTBAH JUMA'AT

SEKARANG kita sedang berada pula dalam bulan Shaaban, bulan yang terletak diantara bulan Rajab dan bulan Ramadhan. Bulan Shaaban ada-lah bulan yang mulia di-mana Nabi kita Saidina Muhammad s.a.w. memperbanyakkan ibadat puasa pada-nya. Sa-lain daripada itu pada pertengahan bulan ini, Allah Subhanahu-Wataala telah memerentahkan Nabi Muhammad s.a.w. mengubah hala kiblat kaum muslimin yang sedang menghala ka-Mesjid Al-Aqsa di-Palastin kepada Ka'abah di-Mekah.

Lagi pula bulan ini ada-lah bulan yang sebaik2-nya untuk membuat persiapan2 bagi menyambut datang-nya bulan Ramadhan di-mana seluruh kaum muslimin melakukan ibadat puasa berbakti kepada Allah Subhanahu-Wataala. Bulan Shaaban ada-lah bulan latehan kecil untuk mencapai kemenangan dalam latehan besar ia-itu puasa sepanjang bulan Ramadhan. Sebab itu jangan-lah di-biarkan kesempatan yang amat berharga ini berlalu dengan perchuma, tetapi gunakan-lah dengan sebaik2-nya, perbanyakkan-lah kerja2 beramal puasa-sunat dan lipat-gandakan-lah segala amal kebajikan pada-nya.

Rassulullah s.a.w. telah menerangkan kedudukan bulan Shaaban ini sa-bagaimana sabda Baginda yang bermaksud:

"Rajab itu ada-lah bulan Allah dan Allah telah melebhekannya dari segala bulan seperti kelebehanku atas segala makhluk-nya. Dan Shaaban itu ada-lah bulan ku yang mana Allah telah melebhekannya atas segala bulan seperti kelebehanku atas sekalian Nabi2. Dan Ramadhan itu ada-lah bulan umat ku yang mana Allah melebhekannya atas segala bulan seperti kelebehanku atas segala umat".

Umat Islam di-galakan membanyakan kerja amal kebajikan dalam bulan Shaaban

Satu hal yang sangat penting dalam bulan ini ia-lah malam Nispu Shaaban ia-itu malam kelima-belas haribulan. Pada malam tersebut Allah Taala turunkan rahmat-Nya kepada segala hamba-nya yang meminta dan memohon kepada-nya, dan sa'at ini ada-lah sa'at yang sebaik2-nya untuk memohon rahmat tau-fik dan hidayah kepada Allah.

Dalam konteks meneruskan usaha2 pembangunan negara sekarang di-mana kita sedang menuju ka-arrah menjadikan Islam sa-bagai suatu chara hidup kita, yang meliputi soal2 hubungan kita dengan Allah hubungan kita dengan sa-sama manusia dan hubungan kita dengan alam, maka setiap umat Islam perlu-lah memahami tanggung-jawab masing2 bagi mendukung hasrat dan chita2 yang tinggi dan tindakan yang menyeluruh

dari semua golongan masharakat terutama umat Islam di-negeri ini.

Sa-bagaimana yang di-tegaskan sa-belum tadi bahawa dalam bulan Shaaban umat Islam di-galakan memperbanyakkan kerja amal kebajikan, puasa sunat dan berdo'a kepada Allah Subhanahu-Wataala, maka sudah kena-lah tempat-nya peluang2 sa-umpama ini kita rebut dengan sebaik2-nya sa-bagai satu chara hidup kita. Kerana galakan2 agama seperti ini tentu sahaja mengandungi hikmat dan faedah2-nya yang tertentu yang mana antara lain termasuk-lah sa-bagai latehan2 awal bagi menghadapi pergolakan yang hebat di-bulan Ramadhan nanti di-mana umat Islam menjalani ibadat menahan nafsu dan keinginan2 tertentu, latehan2 awal ini ada-lah dimaksudkan untuk menjamin kejayaan kita menghadapi ibadat puasa itu kelak sa-bagaimana latehan2 itu amat perlu dalam berbagai2 bidang bagi mencapai kejayaan.

Oleh yang demikian marilah kita melipat-gandakan kerja2 amal kebajikan dan

ibadat di-bulan Shaaban ini, serta berdo'a mudah2an negeri kita senantiasa dalam keadaan aman tenteram terhindar dari sa-barang bala dan benchana, raayat-nya hidup dalam suasana rukun damai serta di-lengkapi dengan kemakmoran dan kesejahteraan di-bawah pimpinan kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei Darus Salam.

Tafsir Darus Salam Siri ke-21

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majalah "TAFSIR DARUS SALAM" siri ke-21 yang di-terbitkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei sekarang sudah terbit dan di-jual kepada orang ramai dengan harga 50 sen sa-naskhah.

Dalam keluaran kali ini "TAFSIR DARUS SALAM" memuat antara lain; tafsiran dan huraian ayat (236) hingga (249) dari surah Al-Baqarah.

Majalah tersebut boleh di-beli dari Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan dan Pejabat2 Hal Ehwal Ugama di-Daerah Belait, Tutong dan Temburong.

Penuntut2 adakan sambutan Isra'

BANGAR, TEMBURONG. — Penuntut sekolah2 agama di-Daerah Temburong, akan mengadakan majlis sambutan Isra' Me'raj pada hari Jumaat 21hb. September, bertempat di-Dewan Pekan Bangar mulai jam 7.30 malam.

Bersempena dengan majlis itu, satu peraduan dugaan akal bagi sekolah2 agama di-daerah itu akan di-adakan, dalam masa sa-ramai

16 pasokan dari 11 buah sekolah akan mengambil bahagian.

Sekolah2 tersebut ia-lah Sekolah2 Ugama Sultan Hassan Bangar, Puni, Belias, Bokok, Belingos, Batu Apoi, Labu Estate, Pisau2, Senukoh, Sekolah Menengah Melayu Sultan Hassan Pekan Bangar dan Sekolah Persediaan Ingeris Pekan Bangar.



AWANG Haji Mashud bin Ag. Damit johan membaca Quran peringkat Daerah Brunei/Muara sedang membaca ayat2 suci Al-Quran dalam peraduan membaca Quran peringkat Daerah yang telah di-adakan di-S.M. Lela Manchanai baru2 ini — (gambar atas).

Awang Haji Mashud yang mengalahkannya tujuh orang peserta yang

lain dalam peraduan itu akan mewakili Daerah Brunei/Muara ka-peraduan membaca Quran peringkat seluruh negeri yang akan di-adakan dalam bulan ini.

Beliau menjadi johan membaca Quran seluruh negeri pada tahun lalu dan mewakili negeri ini ka-peraduan membaca Quran peringkat antara bangsa di-Kuala Lumpur. — Gambar JHEU/BP.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 11hb. September, hingga ka-hari Selasa 17hb. September, 1973 ada-lah seperti di-bawah ini—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh Terbit
11hb. Sept.	12-22	3-38	6-26	7-39	4-39	4-54	6-11
12hb. Sept.	12-22	3-38	6-26	7-39	4-39	4-54	6-11
13hb. Sept.	12-22	3-38	6-26	7-39	4-39	4-54	6-11
14hb. Sept.	12-22	3-38	6-26	7-39	4-39	4-54	6-11
15hb. Sept.	12-22	3-35	6-26	7-39	4-39	4-54	6-11
16hb. Sept.	12-21	3-37	6-25	7-38	4-39	4-54	6-10
17hb. Sept.	12-21	3-37	6-25	7-38	4-39	4-54	6-10

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.



(12hb. September, 1973).

BAHAYA BANJIR

SUASANA sedih yang menimpa satu keluarga Anggota Polis atas kematian anak lelaki-nya berumur tujuh tahun yang lemas di-Sungai Meragang Perpindahan Berakas minggu lalu ada-lah satu kejadian yang tidak dapat di-lupakan oleh keluarga itu.

Betapa tidak, sa-waktu pagi mereka bermesra, bergurau senda dengan anak itu dan mengarahkan supaya mengambil buku2 mengulang-kaji pelajaran di-waktu hari kelepasan sekolah, tiba2 empat jam kemudian anak itu telah mati lemas dan mayat-nya di-jumpai dalam sungai.

Peristiwa2 yang sama juga maseh terasa kepada keluarga lain yang mengalami nasib yang sama terutama sekali bagi penduduk2 di-Kampung Ayer dan di-tanah2 daratan apabila musim hujan dan banjir.

Kejadian2 sedih seperti itu menjadi satu peringatan kepada ibu bapa lain-nya supaya jangan membiarkan anak2 mereka bermain di-tepi longkang yang dalam atau di-jembatan dan veranda rumah di-Kampung Ayer tanpa kawalan tertentu yang di-fikirkan boleh menjamin keselamatan anak2 mereka.

Sa-lain dari menemui ajal kerana mati lemas, kita juga pernah mendengar anak2 yang mati tertimbus oleh runtuhan tanah di-tepi2 parit atau longkang akibat hujan yang lebat.

Malang tidak berbau, sebab itu-lah ibu bapa perlu berhati2 dan selalu mengawasi anak2 mereka dari bermain2 di-tempat2 yang boleh mendatangkan mereka belum dapat membezakan antara keselamatan dan bahaya.

Pegawai Daerah Brunei/Muara Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Pengiran Hj. Abd. Rahim pernah memberi nasihat kepada penduduk2 berkenaan supaya jangan membiarkan anak2 mereka bermain dan mandi dalam longkang terutama sekali dekat kalbat di musim banjir yang ayer-nya deras mengalir.

Meskipun demikian, maseh banyak juga kita dapati anak2 suka memancing anak2 ikan dan bermain jong di-dalam longkang dan tidak menghiraukan langsung terhadap bahaya yang di-depan mereka.

Ibu bapa menyangka anak2 mereka berada dalam bilek tidor atau membaca buku2 pelajaran, tetapi dengan senyap2 saja mereka keluar membawa jong yang di-buat dari kertas2 buku atau lain2 benda lalu pergi ka-longkang untuk bermain.

Kempen Keselamatan Jalan Raya telah di-lancarkan sa-chara besar2an di-semua sekolah baru2 ini dengan tujuan menghapuskan atau menghindarkan bahaya murid2 sekolah ketika berjalan di-jalan raya supaya menurut tata-tertib dan memetohi peratoran.

Bahaya bermain di-tepi2 longkang atau dalam parit juga hampir2 sama dengan bahaya di-jalan2 raya, sebab kalau tidak menemui ajal mereka akan terkena kacha atau benda2 tajam yang di-buang ka-dalam tempat2 itu.

SALAH satu chiri biasa yang di-pakai bagi menta'arifkan belia itu ia-lah dengan melihat kapada umur. Tetapi kenyataan yang ada masa ini, chara menta'arifkan yang demikian itu, tidak dapat di-terima dengan mu'tamat. Kerana perkataan belia itu sendiri mengandong unsor2 yang khas, yang lebeh wajar di-kaitkan dengan sumber2 tenaga baik yang lahir mau pun sebakel-nya. Ya'ani kechen-derongan mendefinisikan belia dari segi umur, saya fikir tidak lain hanya suatu jalan keluar bagi mendapatkan suatu fomular yang mudah di-pegang dan di-mengerti oleh umom, atau pun ada tujuan2 tertentu yang mendesak orang berbuat demikian. Namun satu ta'arif yang saya fikir lebeh munasabah dan sesuai dengan zaman membangun ini, belia itu mesiti-lah di-anggap sa-bagai suatu gulungan yang progressif dan mempunyai konsep serta memileki idea dan juga kemahuan untuk membangun.

Atau dengan kata lain ingin menchapai kesempurnaan sa-bagai menyedari harga diri-nya selaku makhluk yang hidup yang di-bebankan amanah masa depan negara dan masyarakat. Maka dalam hubungan ini baru-lah kaum belia itu dapat benar2 di-namakan sa-bagai "generation gap" yang menyedari betapa penting-nya peranan mereka sa-bagai agen yang akan membawa perubahan2 ka-dalam masyarakat-nya.

Sementara kebudayaan ia-lah segala perkembangan akal-budi manusia yang juga di-sebut tamadun atau peradaban. Ini mengandong antara lain: usaha pengetahuan, adat istiadat, kesenian, sejarah dan bahasa.

Dalam kajian yang berasaskan ilmu pengetahuan, manusia itu pada awal-nya tidak mempunyai kebudayaan, tidak ada usaha dan alat. Kemudian dalam peredaran ribuan tahun bahkan ratusan ribu tahun sa-sudah itu, baru-lah manusia itu menchapai taraf berbahasa dan berfikir sa-chara yang sederhana. Mereka mula membuat alat dan senjata, tau menchari tempat berlindung, dan mula sedikit demi sedikit menggunakan pengalaman dan berfikir agak lebeh mendalam. Pendek-nya sa-sudah jauh sejarah manusia itu berlalu, baru-lah ia tau di-mana pengalaman dan pengetahuan-nya harus di-gunakan. Maka ujud-lah usaha membuat alat dan senjata daripada batu biasa bagi kegunaan dalam berburu. Dengan alat2 tersebut juga mereka berchuchok tanam dan memperjinak binatang2 bagi nafkah sa-hari2. Ini-lah yang di-namakan orang sa-bagai "Zaman Batu" (Stone Age) dalam sejarah kemanusiaan.*

*(Kita perhatikan sa-buah filem yang pernah di-tayangkan bernama *Creatures the World Forget*).

Dalam masa ini manusia hidup dalam lingkungan keadaan yang bersahaja; tidak memikirkan hari esok atau apa yang akan terjadi kemudian, chita2 mereka hanya terhadap makanan, apa yang boleh di-dapati dengan chara yang mudah: Dari buah2an, daun2 kayu dan binatang2 yang melata, baik yang hidup atau pun yang telah menjadi bangkai. Sa-hingga mereka telah pandai menggunakan tom-bak dan panah, keadaan pun turut berubah sedikit demi sedikit, dari berkeadaan liar, mereka telah pandai menyesuaikan diri dengan

memilih tempat2 tinggal yang kekal, seperti gua2 batu, membuat rumah di-atas pohon2 kayu dan seumpama-nya. Kesenian mereka terdiri dari tarian2 dan pahatan2. Oleh kerana itu, dari masa ka-masa, mereka memperbaiki chara hidup dengan menggunakan kepandaian yang sa-takat itu di-mileki oleh mereka. Di-mulai dengan membuat barang2 yang perlu seperti pakaian dan alat2 perabot rumah. Pembahagian kerja sa-chara yang sistematis kadang2 terdapat juga di-kalangan mereka. Misal-nya pada kebiasaan kerja2 berchuchok tanam dan membuat pakaian di-serahkan kepada orang2 perempuan, sementara kerja2 berat yang merbahaya seperti berburu dan berperang di-lakukan pula oleh orang2 lelaki. Maka dengan kemajuan di-bidang2 kemasyarakatan seperti ini yang sa-makin hari sa-makin meningkat, bermana tembok zaman batu dan zaman primitif beransor pechah dan terus punah. Di-tambah dengan ada-nya chiri2 kerohanian telah turut sama mempengaruhi kehidupan maka bentuk dan nilai serta sistem sosial dan alam sekeliling pun juga turut berubah.

Untuk ini, sampai-lah kita kapada kesimpulan terakhir, bahawa kebudayaan itu ada-lah berkembang dan turut berubah mengikut keadaan manusia yang melahirkan-nya. Saya menggunakan istilah "melahirkan" tidak "memileki", kerana melahirkan itu sama erti-nya dengan menchipta atau menghasilkan. Kebudayaan bukan tumbuh atau ujud sendiri, tetapi bersumber sa-bagai hasil usaha atau karya. Kerana itu, ukuran tentang tinggi rendah-nya kebudayaan sesuatu bangsa itu khusus di-zaman ini — ada-lah di-sukat pada status kesenian-nya, ilmu pengetahuan yang di-chapai, bentuk2 perusahaan yang tersusun, badan2 kebajikan dan politik yang tegoh, ugama dan akhlak yang sempurna serta teknik yang di-kuasai dengan sebaik2-nya.

Sekarang mari kita surut semula, ia-itu sa-telah chuba memberi erti kapada dua perkataan yang berasingan: "Belia dan Kebudayaan". Apa-kah yang di-kehendaki dengan tajuk ini, yang maseh kosong seperti tidak ada apa2 tujuan di-dalam-nya. Oleh hal yang demikian kita perlu mengadakan approach ka-arrah matalamat yang akan memberi ma'ana kapada perbinchangan mengenai-nya. Saya telah meyakinkan kapada diri saya sendiri, bahawa saya tidak-lah perlu ragu tentang tajuk ini, lain tidak adalah untuk menghubungkan **peranan, usaha dan karya** kaum belia bagi memelihara, memupok dan akhir-nya mempertinggi nilai kebudayaan kebangsaan selaras dengan keadaan Negara dan Bangsa kita yang sedang membangun. Sa-siapa pun barangkali tidak akan menyangkal bahawa sa-sesebuah Negara itu terlalu banyak

Belia dan Kebudayaan

Renchana Belia dan Kebudayaan ini ada-lah salah satu kertas kerja yang di-binchangkan dalam Seminar Belia yang di-anjarkan oleh Majlis Belia2 Negeri Brunei yang telah di-adakan baru2 ini. Renchana ini di-tulis oleh Awang Haji Abdul Aziz Juned.

Oleh kerana ketiadaan ruangan renchana ini akan kami sambong dalam keluaran minggu depan.

menggantungkan masa depan-nya kapada belia. Pertama kerana sifat-nya mewakili masa depan dan zaman-nya sendiri, kedua identiti kebangsaan terpegang tegoh dalam tangan mereka. Sementara sebab2 lain kerana mereka mudah di-perchayai, menarek dan menawan hati di-sebabkan keadaan mereka yang serba muda, penoh dengan vitaliti dan nafsu hidup. Dan kerana luhur-nya sifat2 yang di-punyai oleh belia itu-lah menjadikan mereka sangat berharga, menjadi rebutan dan di-puja, lebeh2 lagi bagi negeri2 sedang membangun yang telah sedia menyedari hakikat ini dengan belajar dari sejarah.

Telah di-gariskan buat masa ini, bahawa negeri2 yang di-namakan sedang membangun itu adalah terdiri dari negara2 Asia, Afrika dan Latin Amerika yang sedang mengalami transformation dalam bentuk sistem negara masing2. Tentang jenis2 perubahan atau peralehan (transformation) itu tidak-lah pula akan saya sebutkan di-sini. Chuma mau saya tekan bahawa negeri kita Brunei juga ada-lah salah sa-buah di-antara negara2 yang termasuk menerima angin peralehan itu, meskipun dalam beberapa hal kita tidak ada, apa yang ada kapada negara2 yang membangun yang disebutkan di-atas, tetapi dalam banyak hal pula kita boleh jadi menyenai, bahkan mendahului mereka itu. Sa-bagai misal kita memileki identiti sosial yang kukoh, berdaya upaya sendiri memelihara keperibadian melalui **kekayaan** yang ada dan **ugama**. Saya fikir melalui dua faktor yang besar ini; Faktor2 alam dan keperchayaan yang kukoh yang memberikan kesetabilan kapada keadaan hidup dan masyarakat kita, memudahkan pula bagi kita menentukan pendirian sa-bagai agen perubahan kearah mana dan setakat mana matalamat yang harus kita tuju.

Menyebut "matalamat yang harus di-tuju" bermana kita menagih "sikap" para belia selaku agen2 perubahan. Jadi dalam persoalan kebudayaan ini ternyata sikap itu menjadi penting, kerana daripada-nya akan di-ketahui pula bentuk2 tindakan sama ada ia (tindakan itu) berguna atau tidak, munasabah atau tidak, dan yang penting, ada-kah ia chuchok atau pun sabalek-nya dengan chita2 dan keperibadian kebangsaan jangka yang panjang? Tetapi dalam pada itu para belia juga harus mengetahui di-mana sikap community tempat ia hidup dan berkembang. Kerana jika tidak demikian mungkin akan menyukarkan salah satu pehak atau kedua2-nya sekali untuk memahami antara satu dengan yang lain. Maka dalam hal ini, timbol-lah teori, bahawa di-antara kaum belia dan community-nya itu harus sekali di-socialized.

(BERSAMBONG)

1,693 orang masok pereksa S.R.P. tahun ini

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 1,693 orang penuntut dari sekolah2 rendah Melayu seluruh negeri, akan mengambil peperiksaan Sijil Rendah2 Pelajaran pada 17hb. Nobember tahun ini.

Jabatan Pelajaran Bahagian Peperiksaan telah menyediakan 13 buah pusat peperiksaan; tujuh di-Daerah Brunei-Muara; tiga di-Daerah Tutong; dua di-Daerah Belait dan satu di-Daerah Temburong.

Bilangan murid2 yang akan mengambil peperiksaan masok ka-sekolah2 menengah Melayu di-tiap2 daerah itu ialah 979 orang murid di-Daerah Brunei-Muara; 283 di-Daerah Tutong; 311 di-Daerah Belait dan 120 orang di-Daerah Temburong.

Dua orang lagi di-kurniakan gelaran Hulubalang

DULI Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah telah memperkenankan anugerah gelaran **Hulubalang** kepada dua orang anggota Pulis Diraja Brunei.

Mereka ia-lah Yang Mulia Ag. Lundin bin Salleh dan Yang Mulia Awang Mohamad Aini bin Abdullah.

Istiadat itu telah di-adakan di-Balai Penghadapan Pengiran Perdana Wazir ada minggu lalu dan telah di-laksanakan di-hadapan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal Waqar Muda Mohamed Bolkiah.

Surat tauliah gelaran telah di-bachakan oleh Begawan Mudim Haji Metussin bin Sapar sementara do'a selamat di-bachakan oleh Yang Di-Muliakan Pehin Khatib Haji Abdul Hamid bin Metassan.

Istiadat itu antara lain telah di-hadhiri oleh Yang Di-Muliakan Pehin2 dan jemputan2 khas.

Gambar bawah menunjukkan Awang Lundin (kiri) dan Awang Mohamad Aini ketika menjunjung gelaran tersebut.



PERADUAN membaca Quran orang dewasa peringkat daerah telah selesai di-jalankan. Daerah2 Brunei/Muara, Tutong, Belait dan Temburong mengadakan peraduan tersebut pada tarikh2 yang berasingan dalam bulan lepas dan awal bulan ini.

Peraduan peringkat daerah itu ada-lah bagi memilih wakil2 daerah masing2 ka-peraduan membaca Quran peringkat seluruh negeri yang akan di-Bandar Seri Begawan dalam bulan ini.

Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin menyatakan ketika Yang Berhormat itu berucap sa-belum merasmikan peraduan membaca Quran Daerah Belait, bahawa pemenang2 pertama, kedua dan ketiga dalam peraduan peringkat negeri pada tahun ini akan menerima wang tunai di-samping menerima lain2 hadiah.

Pemenang pertama akan menerima wang tunai sa-banyak \$700.00; kedua, \$400.00 dan ketiga \$200.00.

Gambar atas kiri: Y.A.M. Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibol Irsad Pengiran Haji Damit menyampaikan piala kepada johan wanita Daerah Brunei/Muara, Dayang Siti Hamidah; Y.A.M. Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar menyampaikan perisai kejohanan kepada Awg. Arbi'e, johan Daerah Belait (atas kanan).



Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain menyampaikan piala kepada Awang Md. Yusof bin Ag Damit, johan membaca Quran Daerah Temburong — Gambar2 JHEU/BP.

45 orang penuntut melanjutkan pelajaran ka-United Kingdom

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 10 orang penuntut Brunei pada hari Isnin telah berlepas ka-London untuk melanjutkan pelajaran di-berbagai maktab di-United Kingdom.

Penuntut2 itu ia-lah Awang Abdul Mutilib bin Mohamed Idris; Awang Abdul Rahman bin Hassan; Awang Abdul Razak bin Metasan, Awang Abdul Rahman bin Haji Ibrahim; Awang Abdullah bin Abdul Rahman; Awang Ibrahim bin Ismail; Dayang Kamariah binte Haji Abdi Manaf; Awang Mohamed Yusof bin Tengah, Awang Mohamed Zulkifli bin Haji Mohamed Salleh dan Dayang Asmah binte Saman.

Sementara itu sa-ramai 10 orang lagi penuntut telah berlepas ka-London semalam untuk melanjutkan pelajaran mereka di-sana.

Mereka ia-lah Awang Taha bin Amit; Awang Aspar bin Abu Bakar; Awang Bini bin Haji Metali; Dayang Hajjah Intan binte Haji Mohamed Kassim; Awang Johan Thani bin Abdullah; Dayang Lim Bee Lan; Awang Mat Salleh bin Matusin; Awang Rosli bin Talip; Awang Ramlee bin Daud dan Awang Zakaria bin Haji Sulaiman.

Sa-ramai 25 orang lagi penuntut di-jadualkan berlepas ka-London pada hari ini.

Rombongan pengambilan rekrut2 baru AMDB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Rombongan pengambilan rekrut2 baru dari Askar Melayu Diraja Brunei akan berada di-Kampung2 Batu Marang, Pulau Baru-Baru dan Puduk pada 15hb. September untuk menemuduga pemuda2 yang ingin berkhidmat dengan pasukan itu.

Rombongan itu akan berada di-tempat2 itu dari jam 8.00 pagi hingga 3.00 petang.

Pada 20hb. September, rombongan pengambilan itu akan berada pula di-Kampung Pulau Berbunut, Menunggol dan Setia Baru, dari pukul 8.00 pagi hingga pukul 3.00 petang sementara pada 22hb. September, rombongan itu akan berada di-Kampung Kuala Balai, Daerah Belait, dari pukul 8.00 hingga 11.30 pagi.

Pemuda2 yang ingin berkhidmat dalam pasukan itu, di-kehendaki berada di-tempat2 yang di-sebutkan itu. Mereka mesti-lah raayat dibawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan terdiri dari sama ada puak2 Brunei, Murut, Dusun, Belait, Tutong atau Bisaya.

Masih bujang berumur antara 18 hingga 25 tahun, ukuran badan tidak kurang dari lima kaki dua inchi tinggi, berat tidak kurang 110 pound dan sehat. Mereka juga hendak-lah lulus darjah enam sekolah Melayu atau yang sa-bandingan dengan-nya. Ketutamaan akan di-beri kepada calon2 yang mempunyai kelayakan pelajaran yang lebih tinggi.



JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Sa-bagai Kelasii Tingkatan II

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada calon2 yang terdiri daripada ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenuhi jawatan Kelasii Tingkatan II, Bahagian Kejuruteraan di-Jabatan Laut, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Pemohon2 mesti-lah berumur tidak kurang dari 16 tahun dan sebaik2-nya tidak lebih dari 22 tahun dan telah tamat Darjah VI Melayu atau yang sebanding dengan-nya.
- Mesti-lah sehat berbadan tegap, mempunyai penglihatan yang baik; boleh bernang tidak kurang dari 220 ela.

*Am:

Sa-telah menjalani satu tempoh perkhidmatan di-laut, calon2 yang berjaya di-kehendaki menghadihi kursus latihan untuk mendapatkan Sijil Kecekapan. Mereka boleh di-tugaskan di-mana2 daerah di-dalam negeri.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F.2 EB.3 — \$200x5-215/EB/220x5-240.

Sa-seorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam 2 salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 22hb. Oktober, 1973.

Sa-bagai Bilal

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada calon2 yang terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenuhi jawatan Bilal di-Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei.

Bagi Mesjid Sungai Ubar, Daerah Belait. — (1 jawatan).

Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang tinggal dalam kawasan yang berdekatan dengan mesjid yang berkenaan.

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti-lah berumur antara 20 hingga 45 tahun dan mahir dalam membaca Al-Quran dan mengetahui rukun2 Islam. Mereka mesti-lah bersedia menghadapi satu peperiksaan yang akan diadakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.
- Mengetahui dan bersedia bagi menyempurnakan Fardzu Keparah bila2 masa di-kehendaki.

Gaji:

Dalam sukatan gaji U. 2 — \$220x10-390-410x10-430.

Sa-seorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam 2 salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 20hb. Oktober, 1973.

SA-BAGAI PENTERJEMAH KANAN

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada calon2 yang berkelayakan untuk memenuhi jawatan Penterjemah Kanan di-dalam Perkhidmatan Kerajaan, Brunei.

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti-lah mempunyai Sijil Persekolahan atau kelulusan yang sa-banding dengan-nya dengan mendapat kepujian (credit) dalam Bahasa Melayu dan Inggeris.
- Mempunyai pengalaman sekurang2-nya sa-lama lima tahun dalam kerja2 menterjemah.
- Boleh membacha dan menulis tulisan Jawi.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C.2 — \$710 x30-950. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Calon yang berjaya yang bukan terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara kontrak sa-lama tiga tahun terma-

sok masa perhubungan enam bulan. Calon2 yang berjaya yang terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-Perjawatan Tetap sa-lapas menjalani satu tempoh perhubungan.

Baksis:

Bagi sa-seorang calon yang dilantek sa-chara berkontrak, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Sa-seorang yang sedang berkhid-

mat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam 2 salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 31hb. Oktober, 1973.

Merinyu Kesihatan Perhubungan

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada calon2 yang terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untuk di-lantek ka-jawatan Merinyu Kesihatan Perhubungan di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah telah mencapai umur 18 tahun tetapi tidak lebih dari 25 tahun, dan telah lu-

lus peperiksaan Sijil Persekolahan Seberang Laut dengan mendapat kepujian dalam Bahasa Inggeris salah satu matapelajaran Sains atau Sains *Am.

Pemohon2 yang mempunyai S.A.P. dengan mendapat kelulusan dalam matapelajaran2 yang berkenaan boleh di-pertimbangan untuk lantekan ini.

Gaji:

Merinyu Kesihatan Perhubungan akan di-tempatkan dalam sukatan gaji D.1 EB. 2 — \$230x10-280/EB/290x15-380, dan peluang untuk meningkat ka-jawatan2 yang lebih tinggi ada-lah seperti berikut:-

Merinyu Kesihatan — D.3 EB 4 — \$410x20-510/EB/540x20-660.

Merinyu Kesihatan Kanan — C.2 — \$710x30-950.

Ketua Merinyu Kesihatan — C.3 EB. 4 — \$1000x30-1120/EB/1160x30-1280.

Penyelia Merinyu2 Kesihatan — B. 2 — \$1090x50-1140x40-1300 x60-1360x40-1520x60-1580x40-1740.

Sharat2 Lantekan:

Calun2 yang terpilih akan di-lantek dalam perhubungan sa-lama 3 tahun dalam tempoh itu mereka hendak-lah mendapatkan sijil2 Royal Society of Health dalam tempoh ini. Calon2 akan di-hantar berlatih di-Singapura diatas perbelanjaan Kerajaan.

Sa-seorang hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam 2 salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 20hb. Oktober, 1973.

Sa-bagai Pegawai Imigresen

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada calon2 yang terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenuhi jawatan2 Pegawai Imigresen di-Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Brunei.

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti-lah lulus Tingkatan III Inggeris dan Darjah IV Melayu.
- Calun2 yang di-lantek mesti-lah berumur 18 tahun dan 25 tahun.

Tugas2:

Calun2 yang berjaya mesti-lah bersedia bertugas di-mana2 tempat di-negeri ini.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB.

KENYATAAN2 PEGAWAI PENGUASA WARITH NEGERI BRUNEI

SURAT KUASA PESAKA No. 8/1973.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Haji Yusop bin Adi, Kampong Belingos, Temburong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Abdulah bin Lahi Kadir yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah bapa saudara kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 15 haribulan September, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 5 haribulan September, 1973.

SURAT KUASA PESAKA No. 74/1973.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Tinon bte. Sulaiman, P.O. Box 1203, Bandar Seri Begawan.

gawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Sulaiman bin Husin yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 15 haribulan September, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 5 haribulan September, 1973.

SURAT KUASA PESAKA No. 86/1973.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Haji Lisa bin Haji Rimas, Kampong Lumapas, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Eramas bin O.K.M. Tazan @ Hj. Rimas bin Orang Kaya Tassan yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 15 haribulan September, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 5 haribulan September, 1973.

SURAT KUASA PESAKA No. 87/1973.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Lamit bin Baha, No. 5, Kampong Batong, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Unjom bin Hassan yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 15 haribulan September, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 5 haribulan September, 1973.

SURAT KUASA PESAKA No. 88/1973.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Haji Dullah bin Haji Budin,

Kg. Tanjong Kindana, Kg. Pudak Brunei No. 29 Kg. Bugak Pudak, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Timbang bin H. Budin yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah adek kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 15 haribulan September, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 5 haribulan September, 1973.

SURAT KUASA PESAKA No. 89/1973.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dg. Besar bte. Jakut, No. 35, Kg. Serasa Muara, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Belaman bin Orang Kaya Jakir yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 15hb. September, 1973 pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 5 haribulan September, 1973.

SURAT KUASA PESAKA No. 90/1973.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Md. Ali bin Abd. Razak, c/o Dewan Bahasa dan Pustaka Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta yang di-punyai oleh Haji Abdul Razak bin Md. Ya'akub @ Haji Ajak yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 15 haribulan September, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 5 haribulan September, 1973.

SURAT KUASA PESAKA No. 91/1973.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Ak. Ibrahim bin Pg. Hj. Md. Daud, No. 48 Kg. Delima Satu Jalan Muara Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Pg. Hj. Md. Daud bin Pg. Mat Salleh yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 15 haribulan September, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 5 haribulan September, 1973.

SURAT KUASA PESAKA No. 92/1973

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Munaf bin Kamis, Berakas Kem, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Tialam binte Mohamad yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 15 haribulan September, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 5 haribulan September, 1973.

ADMINISTRATION SUIT No. 94 OF 1973.

Application to this Court having been made by Norman Bradbury of Education Department, Bandar Seri Begawan, Brunei of Brunei for Letters of Administration to the estate and effects of Isaac Ponnampalam late of State of Brunei deceased, on the ground that he is lawful attorney of the deceased.

Notice is hereby given that application will be heard in the Court-house at Bandar Seri Begawan on the 15th day of September, 1973, at 9.00 a.m.

All persons claiming to have any interest in the estate of the deceased are hereby required to come and see the proceeding at the time and place above mentioned.

Any person wishing to object to the application may lodge a caveat with the court of the Probate Officer, Bandar Seri Begawan before the above date.

Dated this 6th day of September, 1973.

CHARLIE FOO CHEE TUNG,
Pegawai Penguasa Warith,
Negeri Brunei.

PELATEH2 TEKNIK UNTOK BEKERJA DENGAN L.N.G.

SHARIKAT MINYAK SHELL BRUNEI BERHAD, mengikut di-bawah shariat2 kontrek mereka dengan Shariat L.N.G. Berhad, mempelawa pemohon2 bekerja dengan-nya. Mereka ini hendaklah terdiri dari pemuda2 raayat Duli Yang Maha Mulia Sultan.

Chalun2 yang berjaya akan di-beri lathahan permulaan di-Pusat Lathahan L.N.G. di-Lumut dan selepas itu di-tempatkan kapada kerja2 bergilir di-bahagian Pengolahan (Process) atau bahagian Perkhidmatan (Utilities), Jabatan Operasi L.N.G.

Pemohon2 hendaklah faham berchakap serta menulis dalam bahasa Inggeris dan hendaklah tamat Sijil Pelajaran Malaysia (Aliran Sains), sebak2-nya lulus dengan mendapat kepujian dalam bahasa Inggeris dan Sains. Pemohon2 yang sudah ada sedikit sebanyak pengalaman bekerja adalah di-persilakan memohon.

Gaji permulaan bagi Pelateh2 Teknik ini ia-lah B\$295.00 sabulan dan ini di-tambah menjadi B\$400.00 sa-bulan sa-telah tamat dengan jaya-nya tempoh lathahan permulaan itu. Dan lagi, sa-lepas itu ada-lah tertaklok kapada kenaikan tetap yang mana terpelunglah kapada pekerjaan dan keupayaan.

Permohonan2 hendaklah di-buat dengan chara betulis memberikan butir2 diri, rekod pelajaran dan pengalaman bekerja dan ini di-alamatkan kapada:-

Jabatan Peranchang Kakitangan (Pengambilan),
Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad,
Seria,
Negeri Brunei.

Pada sarong surat di-tulis dengan terang "SULIT - PELATEH TEKNIK BEKERJA DENGAN LNG".

Tarikh permohonan ini di-tutup ia-lah pada hari Jumaat, 12hb. Oktober, 1973.



GAMBAR ATAS: Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Temenggong Sahibol Bahar Haji Mohammad bin Pengiran Abd. Rahman Piut menyampaikan perisai kepada Ag. Abdul Razak bin Abdullah, Pegawai Kadet yang terbaik semasa menjalani kursus.

Penyampaian itu telah diadakan di-upacara tamat latihan bagi sembilan orang Pegawai Kadet di-Pusat Latihan Putis Diraja Jalan Muara pada hari Sabtu lepas.

Ini ada-lah kumpulan pegawai2 kadet yang kedua utus dari pusat itu. Sa-masa mengikuti kursus selama 32 minggu itu, mereka telah mempelajari undang2 dan semua aspek tugas2 polis. Mereka juga mempelajari pertolongan chemas, menyelamat jiwa dan judo. Merinyu2 perhubungan itu akan ditempatkan di-beberapa buah Balai Polis untuk mendapatkan pengalaman praktikal.

Pegawai2 kadet yang lulus itu ia-lah Anuar bin Haji Abdullah, Ak. Ahmad bin Pg. Damit, Ching Chong Seng, Ghani bin Omar, Hassan bin Harris, Ak Hassan bin Pg. Zahari, Jabat bin Hashim dan Ak Razali bin Pg. Sabli.

Timb. Pengawal Kastam ka-U.K.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Timbalan Pengawal Kastam dan Bea Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibul Bandar Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar, hari Sabtu lalu telah berlepas ka-United Kingdom dengan kapal terbang, untuk menghadiri satu kursus yang lengkap, anjoran Jabatan Kastam dan Bea di-United Kingdom bagi Pentadbiran Kastam Seberang Laut.

Pengawal Kastam dan Bea Awang Othman Chua Kwang Soon ketika menyatakan demikian berkata, kursus itu akan meliputi semua perjalanan kerja2 kastam, termasuk latihan teori dan praktikal, dan ia-nya di-jangka berjalan sa-lama tiga bulan.

Kata-nya, meskipun beberapa orang pegawai kastam telah menjalani latihan di-United Kingdom, Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibul Bandar Pengiran Anak Haji Abdul Aziz ada-lah pegawai kastam yang pertama dari Brunei untuk menjalani kursus khas itu, yang di-adakan tiap2 tahun.

Pertunjukan pertanian Daerah Brunei/Muara

KILANAS. — Pertunjukan Pertanian Daerah Brunei/Muara kali kedua sempena Pujia Usia ke-27 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan akan di-adakan pada hari Ahad 23hb. September di-kawasan Steshen Pertanian Kilanas.

Orang ramai terutama sakali kaum peladang dan tani di-Daerah Brunei/Muara ada-lah di-alu2-kan menyertai pameran tersebut dengan menghantar berbagai2 jenis Pertanian dan Perusahaan.

Pameran2 itu ia-lah berjenis2 padi dan beras tempatan, Jagong dan Anjalai. Berjenis2 sayoran tempatan seperti sayur daun, sayur buah dan sayur berubi. Berjenis2 buah tempatan yang di-usahkan, ubi2an, terenakan seperti Lembu, Kerbau, Kambing, Ayam, Angsa, Patu Itek dan Telor Ayam.

Pameran2 itu tidak termasuk perusahaan tembaga seperti perak, besi, kayu, sulam2an, masak-an dan anyaman.

Semua barang2 yang akan dipamerkan hendak-lah di-hantar pada hari Sabtu 22hb. September dari jam 7.30 pagi hingga 5.00 petang kechuali sayur2an jenis daun boleh-lah di-hantar tidak lewat dari jam 7.00 pagi hingga 8.00 pagi pada hari Ahad 23hb. September.

B. Melayu meluas ka-sekolah2

(Dari muka 1)

jang ada-lah lebih mencukupi untuk mereka mempelajari-nya jika mereka benar2 menyedari akan tanggung-jawab mereka.

Yang Berhormat itu juga menyeru mereka supaya sentiasa memberikan taat setia yang tidak berbelah bahagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan Kerajaan Baginda.

Untuk mempelajari Bahasa Melayu, kata-nya, Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan antara lain

PENUNTUT2 LULUS MENDAPAT IJAZAH DAN DIPLOMA

(Dari Muka 1)

Setia Usaha Kerajaan Bahagian Peranchang Ekonomi.

Awang Ahmad ia-lah anak sulong kepada Allahyarham Dato Matnor Macfee. Beliau mula menuntut di-Sekolah Melayu SMJA dan Maktab SOAS di-Bandar Seri Begawan.

Beliau melanjutkan pelajarannya ka-United Kingdom atas biasiswa Kerajaan Brunei dalam tahun 1969 dan memasuki Cambridge Tutors, Croydon. Beliau memasuki University Lancaster dalam bulan Oktober. 1970.

Awang Ahmad mengambil

peranan chergas dalam pergerakan pengakap dan pernah menghadiri jambori di-Australia dalam tahun 1964 dan di-Bangkok dalam tahun 1965.

Awangku Mohd. Yassin dan Awang Ahmad ia-lah dua daripada enam orang penuntut Brunei yang telah lulus pengajian tinggi dari universiti2 di-seberang laut atas biasiswa Kerajaan Brunei.

Empat yang lain-nya ia-lah Awang Morni bin Othman, lulus dengan mendapat ijazah Sarjana Muda Sains dalam jurusan pertanian; Awang Matdanan mendapat ijazah Sarjana Muda Sains dalam jurusan Zoology — kedua2-nya lulus dari McGill University, Canada; Awang Sapawi bin Bolhassan lulus dengan mendapat ijazah Sarjana Muda Sains dalam jurusan kejuruteraan mekanik dan Awg. Mathew Michael Ng lulus dengan mendapat ijazah Sarjana Muda Sains dalam jurusan kejuruteraan awam dari Brighton Polytechnic.

Sementara itu 11 orang lagi penuntut telah lulus dengan mendapat diploma dari maktab2 di-United Kingdom, di-Semenanjung Malaysia dan Singapura.

Tiga orang lulus dari maktab2 di-United Kingdom. Mereka ia-lah Ak. Abdul Rahman bin Pengiran Ratna Wangsa Pengiran Hj. Metussin, mendapat diploma dalam jurusan Graphic Design; Awang Mohammad Noor bin Daud mendapat diploma dalam jurusan pertanian dan Dayang Maimunah binte Haji C.A. Mohammad mendapat diploma tertinggi kebangsaan dalam jurusan pentadbiran bandaran.

Lima orang penuntut lulus dari Institut Teknologi MARA ia-lah Awang Harun bin Ismail mendapat diploma dalam jurusan perniagaan; Awang Bahar bin Yahya mendapat diploma dalam jurusan pentadbiran awam; Ak Othman bin Pengiran Omar mendapat diploma dalam jurusan Architecture; Awang Shahari bin Haji Awang Besar mendapat diploma dalam jurusan perusahaan tanaman dan Awang Wahid bin Salleh mendapat diploma dalam jurusan pentadbiran awam.

Awang Bakti bin Yuntan dan Ak. Ismail bin Pengiran Hashim masing2 mendapat diploma pertanian dari Kolej Pertanian Malaysia sementara Dayang Misli bte. Haji Awang mendapat diploma dalam jurusan pelajaran dari Institut Singapura.

Bebas dari taun

PENGARAH Perkhidmatan Perubatan telah di-beritahu oleh pihak berkuasa Sabah bahawa kawasan2 yang berikut telah di-istiharkan bebas dari penyakit taun mulai dari 5hb. September, 1973.

Kawasan2 itu ia-lah Sandakan, Kudat, Lahad Datu, Beaufort, Seporn, Tuaran, Kota Kinabalu, Penampang, Kota Belud, Tawau, Kinabatangan dan Beluaran.